

# Shahidan harap spekulasi dihapuskan

UM 10 DEC 1999

6

Oleh ZAID MOHD. NOOR

**A**RAU 9 Dis. — Datuk Seri Shahidan Kassim mengharapakan semua pihak di negeri ini menamatkan spekulasi mengenai pelantikan jawatan Menteri Besar memandangkan beliau telah mengangkat sumpah memegang jawatan itu hari ini.

Menurutnya, isu pelantikan jawatan itu tidak sepatutnya dispekulasikan lagi apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan beliau kekal sebagai Menteri Besar sebelum ini.

Selain itu, katanya, surat pelantikan Menteri Besar juga telah dikeluarkan oleh Perdana Menteri pada 2 Disember lalu.

Bagaimanapun katanya, pelbagai spekulasi mengenai kedudukannya sebagai Menteri Besar Perlis terus dibuat oleh pihak tertentu bagi mengelirukan rakyat.

"Pada masa ini seluruh rakyat Perlis tanpa mengira fahaman politik melupakan segala persengketaan semasa kempen pilihan raya lalu dan meng-

etepikan semua spekulasi yang mengelirukan.

"Sudah tiba masanya mereka bersatu memberi sokongan dan kerjasama kepada kepimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk bersama-sama membangunkan negeri ini pada alaf baru nanti," katanya.

Beliau membuat kenya-

taan tersebut kepada pemberita selepas majlis pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar Perlis di Istana Arau di sini, hari ini.

Shahidan yang memegang jawatan itu bagi penggal kedua mengangkat sumpah di hadapan Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail.

"Saya akan berusaha untuk memastikan sebuah negeri ini memandangkan Perlis merupakan antara negeri yang berjaya memperoleh keputusan terbaik 13 tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia," ujarnya.

Ditanya mengenai pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Shahidan memberitahu, pada penggal ini sebanyak lima anggota Exco dilantik berbanding enam orang sebelum ini.

Katanya, bilangan anggota Exco dikurangkan apabila terdapat tiga ahli Dewan Undangan Negeri baru yang mewakili parti pembangkang.

Bagaimanapun menurutnya, tambahan Exco baru mungkin akan dilakukannya selepas ini jika keadaan memerlukan.

"Perdana Menteri telah meluluskan pelantikan nama-nama anggota Exco yang saya cadangkan dan nama mereka akan diumumkan pada majlis mengangkat sumpah Exco pada Khamis depan," ujarnya.

Menteri Besar juga berjanji untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan adil kepada semua rakyat tanpa mengira fahaman politik, kaum dan agama.

Selain itu, katanya, beliau juga akan bekerja keras demi memastikan Perlis terus maju dan membangun setanding negeri-negeri lain.